



LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
BANGUNAN FAMA POINT, LOT 17304, JALAN PERSIARAN SATU,
BANDAR BARU SELAYANG, 68100 BATU CAVES, SELANGOR DARUL EHSAN.
Tel: 603-61262020 No Faks : 603-61383650 Email : fama@fama.gov.my

SIARAN MEDIA

PENYERAHAN SUMBANGAN MAFI PRIHATIN OLEH YB DATO' HAJI CHE ABDULLAH BIN MAT NAWI, TIMBALAN MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN II DI NEGERI KELANTAN

KOTA BHARU, 7 Julai 2021 – Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menyerahkan bantuan MAFI Prihatin kepada 80 orang barisan hadapan (*frontliners*) di Pusat Pemberian Vaksin, Dewan Sri Tunjong, Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan, Kota Bharu hari ini.

Penyerahan bantuan MAFI Prihatin disampaikan oleh YB Dato' Haji Che Abdullah Bin Mat Nawawi, Timbalan Menteri Pertanian Dan Industri Makanan II kepada Dr Nik Insusinarti Binti Shafei, Pegawai Perubatan U54. Turut hadir, Puan Wan Nora Binti Wan Ahmad, Pengarah FAMA Negeri Kelantan dan Tuan Haji Mohd Ariffin Bin Haji Awang, Penasihat Kompleks Pemasaran FAMA.

Sumbangan yang berbentuk hasil pertanian seperti sayur-sayuran dan buah-buahan ini merupakan kesinambungan program MAFI Prihatin yang bertujuan membantu meringankan beban rakyat yang terkesan akibat Covid-19. Antara barangan yang disalurkan adalah nanas, jambu batu dan terung.

Che Abdullah berkata, sejak pelaksanaan MAFI Prihatin pada 27 Mei lalu sehingga 5 Julai 2021, seramai 21,802 orang telah menerima manfaat yang terdiri daripada frontliners, badan kebajikan dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) di 82 lokasi seluruh negara dengan jumlah keseluruhan sebanyak 37.51 metrik tan makanan telah disalurkan. FAMA melalui MAFI Prihatin juga telah membantu 425 usahawan tani dalam memasarkan 44 jenis hasil pertanian dan produk mereka yang mengalami kesukaran dalam menjalankan aktiviti pemasaran semasa tempoh pelaksanaan PKP 'Total Lockdown'.

Bagi program MAFI Prihatin di Kelantan pula, seramai 716 penerima manfaat yang terdiri daripada frontliners, badan kebajikan dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) merangkumi 8 lokasi seluruh Kelantan dengan jumlah keseluruhan sebanyak 2.9 metrik tan sayur-sayuran dan buah-buahan. Seramai 16 usahawan tani di Kelantan telah memasarkan 15 hasil pertanian dan produk mereka dalam program ini.

Che Abdullah juga berkata, peranan FAMA dalam khidmat pemasaran terbahagi kepada 2 iaitu belian secara langsung dan pengaturan pasaran. Bagi tempoh Januari hingga Jun 2021 FAMA telah membuat belian secara langsung sebanyak 5,557 MT dengan nilai RM9,575,932. Manakala pengaturan pasaran adalah sebanyak 15,798 MT dengan nilai RM27,223,279.

Belian secara langsung adalah Pusat Operasi FAMA membuat pembelian hasil pertanian usahawan tani. Manakala bagi pengaturan pasaran pula, FAMA membantu dalam penyediaan luang pasaran dan pepadanan perniagaan usahawan tani dengan pihak swasta / persendirian.

Di Kelantan, terdapat 2 buah Pusat Operasi FAMA iaitu di Kota Bharu dan Machang. FAMA Negeri Kelantan telah membuat belian secara langsung sebanyak 875 MT dengan nilai RM1,492,000. Bagi pengaturan pasaran pula adalah sebanyak 4,990 MT dengan nilai RM7,300,000. Antara daerah pengeluaran utama adalah di Kota Bharu, Pasir Putih dan Bachok yang melibatkan 3 komoditi utama di Kelantan iaitu tembikai, labu dan honey dew.

Untuk mendapatkan khidmat pemasaran ini bolehlah menghubungi Pusat-pusat Operasi FAMA yang terdekat atau melayari portal FAMA Feedback System (<http://ffs.fama.gov.my/aduan/>) untuk sebarang pertanyaan, cadangan atau aduan.

#####

7 JULAI 2021

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

Mohd Anzara Azizan@Halim
Pengarah Komunikasi Korporat
Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)
017-8448420 / anzara@fama.gov.my

Adlina Binti Ibrahim
Penolong Pegawai Ehwat Ekonomi Komunikasi Korporat
Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Negeri Kelantan
012-3684203 / adlina@fama.gov.my